

13/09/1997

Bantuan latihan, kongsi pengalaman

BISHKEK, Jumaat - Malaysia melihat bantuan latihan dan berkongsi pengalamannya adalah sumbangan paling berkesan yang boleh diberikan ke arah pembangunan Republik Kyrgyz, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, sebagai negara membangun, Malaysia tidak berupaya menawarkan bantuan lain kerana sumber negara adalah terhad.

"Untuk itu, kita fikir cara paling berkesan bagi menyumbang (pembangunan Kyrgyz) ialah dalam bentuk latihan, termasuk memberi latihan kerja," katanya di upacara penyerahan laporan kajian bersama ekonomi mengenai Kyrgyz yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Laporan yang disiapkan oleh pegawai kanan EPU bersama Kementerian Kewangan Kyrgyz itu bertujuan menyediakan pelan ekonomi, di samping mengenal pasti bidang yang berpotensi untuk pelaburan asing.

Di majlis itu, Dr Mahathir menyerahkan laporan itu kepada Presiden Kyrgyz, Askar Akayev. Akayev juga mengisytiharkan laporan itu sebagai Pelan Mahathir.

Dr Mahathir berkata, sejak 1992, 15 pegawai kerajaan Kyrgyz sudah menjalani latihan mengikut Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Katanya, latihan termasuk mengikuti kursus dan lawatan sambil belajar itu diadakan berterusan membabitkan agensi kerajaan, termasuk EPU, Institut Pentadbiran Awam Negara (Intan), Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, Institut Penyelidikan Perubatan, Arkib Negara dan Institut Penyiaran Tun Abdul Razak.

Perdana Menteri turut menggariskan beberapa bidang latihan khusus yang boleh ditawarkan Malaysia kepada pegawai Kyrgyz.

Dalam hubungan ini, pegawai Kyrgyz boleh menjalani latihan antaranya di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Kastam Eksais Diraja, Bank Negara dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (Mida) serta agensi berkaitan.

(END)